

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA]**

**TARIKH : 8 OKTOBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 5**

**TUAN KHOO POAY TIONG [ KOTA MELAKA ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan kejayaan-kejayaan utama *National Fiberisation and Connectivity Plan* (NFCP) sejak dilancarkan pada tahun lepas, dan apakah fokus atau projek-projek utama dalam jangka masa pendek akan datang, khasnya untuk tahun 2020.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) adalah bertujuan untuk menyediakan kesalinghubungan digital yang mampan, menyeluruh, berkualiti tinggi dan mampu milik agar perkhidmatan jalur lebar dapat dinikmati oleh rakyat di seluruh pelusuk negara. Ia merupakan pelan selama lima (5) tahun (2019-2023) yang dinamik yang akan ditambah baik secara berterusan dari semasa ke semasa. Pelan ini diyakini dapat memberikan impak positif kepada pembangunan infrastruktur digital serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Ia juga dapat memastikan negara kita kekal berdaya saing dalam arus pemodenan teknologi yang semakin pesat berkembang.
2. Memandangkan pelan ini adalah sebuah pelan yang merangka strategi, sasaran, dan pelan tindakan yang mampu memastikan ketersediaan kesalinghubungan digital yang mampan, menyeluruh, berkualiti tinggi dan mampu milik untuk negara, Kementerian, melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah membuat sesi libat urus bermula November tahun lepas bersama-sama pihak berkepentingan seperti Kementerian dan agensi persekutuan, selain kerajaan negeri dan agensi-agensi berkaitan, serta pihak swasta bagi memastikan pelan tersebut adalah menyeluruh dan berkesan.
3. Hasil daripada sesi libat urus ini, saya bersyukur kerana Pelan NFCP ini telahpun diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 31 Julai 2019 dan ianya telah dilancarkan dengan rasminya pada 19 September 2019 oleh YAB Timbalan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Pelaksanaan NFCP amat penting bagi menjana ekonomi negara. Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Bank Dunia, kenaikan sebanyak 10% bagi kadar penembusan jalur lebar talian tetap akan menyumbang kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 1.38%, iaitu sebanyak RM20 billion (berdasarkan KDNK 2018).

## **SOALAN NO : 5**

5. Sebagai usaha Kerajaan untuk menjadikan perkhidmatan jalur lebar mampu milik, pada Jun 2018, Standard Mandatori Mengenai Harga Capaian atau *Mandatory Standard on Access Pricing* (MSAP), dengan izin, telah dilaksanakan bagi mengawal selia harga borong untuk kemudahan dan perkhidmatan dan melalui rundingan komersial, penurunan harga runcit telah dilaksanakan oleh syarikat-syarikat telekomunikasi.
6. Usaha ini telah memanfaatkan lebih 1.5 juta pelanggan jalur lebar dengan penurunan harga runcit sebanyak 49% secara purata apabila dibandingkan dengan harga sebelum pelaksanaan MSAP. Dengan penurunan harga ini, pelanggan pakej permulaan kini boleh menikmati penjimatan sebanyak RM50 sebulan atau RM600 setahun.
7. Hasil daripada usaha yang sama, pengguna juga menikmati perkhidmatan jalur lebar dengan kelajuan yang lebih tinggi sebanyak tiga kali ganda. Bilangan langganan jalur lebar tetap dengan kelajuan muat turun lebih daripada 100 Mbps meningkat lapan kali ganda kepada 1.2 juta pelanggan pada 2018 sementara permintaan untuk perkhidmatan jalur lebar tetap untuk pelanggan kediaman dan pelanggan perniagaan telah meningkat sebanyak 18% hingga 22% di antara bulan Ogos 2018 sehingga bulan Ogos 2019.
8. Usaha ini telah mendapat perhatian pihak Bank Dunia, di mana satu laporan telahpun dikeluarkan mengenai perkara ini semasa Persidangan Rancangan Malaysia ke 12 pada bulan Julai yang lepas.
9. Selain daripada itu, mulai bulan September 2019, pihak Telekom Malaysia juga telah menurunkan harga perkhidmatan Streamyx untuk pelanggan sedia ada kepada harga RM69 sebulan daripada harga pakej dahulu iaitu sebanyak RM110-RM160. Dengan penurunan harga ini, pelanggan Streamyx boleh menikmati penjimatan sebanyak RM40.00 ke RM90.00 sebulan atau RM480.00 – RM1080.00 setahun kepada sekurang-kurangnya 1.2 juta pelanggan di seluruh Malaysia.  
Tuan Yang di-Pertua,

## **SOALAN NO : 5**

10. Perancangan bagi projek-projek NFCP telah bermula semenjak suku kedua tahun ini dan sedang melalui proses kelulusan dalaman SKMM, dan dijangka akan dilaksanakan bermula pada tahun 2020 dan di antara projek-projek utama yang telah dirancang dan akan dilaksanakan di bawah NFCP bagi menyumbang kepada sasaran-sasaran yang berkaitan adalah seperti berikut:

- a) NFCP 1 - Pembinaan menara komunikasi baharu di 153 lokasi di seluruh negara bagi penyediaan liputan perkhidmatan selular 3G dan 4G.
- b) NFCP 2 – Rancangan pembinaan menara komunikasi baharu di lebih kurang 500 lokasi di seluruh negara bagi penyediaan liputan perkhidmatan selular 3G dan 4G.
- c) NFCP 3 - Penyambungan rangkaian gentian optik kepada 100,000 premis bagi meningkatkan kualiti dan kelajuan jalur lebar di pinggir bandar dan luar bandar.
- d) NFCP 4 – Rancangan penyediaan dan penambahbaikan liputan selular dan/atau jalur lebar dianggarkan di 151 kawasan penempatan orang asli di seluruh negara.